# Kaedah pembiakan cantuman tunas

Tips pertanian bersama UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

CANTUMAN mata tunas ialah satu kaedah pembiakan yang mana bahagian tampang iaitu mata tunas pokok baka diambil dan dicantumkan dengan bahagian pokok penanti.

Mata tunas ini akan membesar dan menjadi seperti pokok baka.

**Tip**

- Mata tunas pokok baka dan pokok penanti daripada spesies yang sama.
- Pokok penanti hendaklah subur dan sebulan selepas dibaja.
- Mata tunas yang digunakan bernas.
- Terdapat dua jenis mata tunas iaitu i) Mata tunas ketiak (contoh: durian) dan ii) Mata tunas pendam (contoh: mangga, rambutan dan pulasan).

- Elakkan membalut di bahagian mata tunas ketiak untuk mengelakkan mata tunas tersebut patah.
- Balutan plastik cantuman boleh dibuka selepas 3 minggu cantuman dilakukan. Kikis sedikit bahagian atas dan bawah cantuman sama ada ia berwarna hijau untuk melihat cantuman berjaya.

**PERALATAN**





# LANGKAH - LANGKAH







1. Pilih ranting/dahan yang sesuai. Bersihkan ranting/dahan tersebut.

2a) Buat kelaran pertama sekeliling bawah mata tunas dan kelaran kedua 1" - 1 ½" di bawah kelaran pertama.

2b) Buat kelaran melintang di antara kelaran pertama dan kedua.

2c) Kupas kulit dan kikis kambium (lendir) sehingga kering.

3. Sapu hormon penggalak akar pada kelaran yang pertama.

4. Ikat plastik lutsinar dan lekapkan media pengakaran pada kelaran yang telah dibuat. Balut dan ikat dengan kemas media pengakaran tersebut.










